

219 ditahnan operasi di tiga negeri

Jabatan Imigresen adakan serbuan selepas berakhirnya Program Rekalibrasi Pulang

Oleh Safeek Affendy Razali, Ahmad Hasbi dan Meor Riduwan Meor Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sekurang-kurangnya 219 pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan dalam tiga operasi Jabatan Imigresen di Kuala Lumpur, Kuala Linggi dan Melaka selepas berakhirnya Program Rekalibrasi Pulang tengah malam kelmarin.

Sebahagian besar yang ditahan kerana tidak memiliki dokumen perjalanan sah, tinggal di negara ini melebihi tempoh dan menggunakan dokumen perjalanan palsu.

Dalam serbuan di sekitar Kuala Lumpur yang berakhir awal pagi semalam, imigresen menahan 76 PATI yang turut membabitkan enam kanak-kanak lelaki dan seorang kanak-kanak perempuan.

Mereka yang ditahan berusia antara lima bulan hingga 57 tahun.

Ketika serbuan, ada PATI terbabit yang sanggup lari meninggalkan anak masing-masing bagi mengelakkan ditahan pihak berkuasa dalam operasi antaranya di kawasan setingan, Kampung Masjid, Segambut Dalam, di sini.

Pengarah Imigresen Kuala Lumpur, Syamsul Badrin Mohsin, berkata serbuan ke atas pu-

luhan rumah sewa dan bilik sewa di kampung itu membawa kepada pemeriksaan seramai 92 orang warga Indonesia dan Bangladesh yang mendiami kawasan berkenaan.

Imigresen Kuala Lumpur akan terus mengempur kawasan penempatan PATI terutama membabitkan kediaman, perkilangan dan pusat perniagaan yang menjadi tumpuan kerja mereka di sekitar ibu negara bagi mengesan mereka yang tidak menyerahkan diri selepas Program Rekalibrasi Pulang berakhir.

“Tiada lagi kompromi, kita akan bertindak berdasarkan peruntukan undang-undang mengikut Akta Imigresen, kerajaan menerusi Kementerian Dalam Negeri (KDN) sudah memberikan peluang sejak November 2020, namun ada yang masih berdegil dan kita akan mengesan mereka,” katanya.

Di **Melaka**, 106 PATI ditahan Imigresen Melaka dalam serbuan di tiga lokasi di pusat bandar dan di Jasin bermula lewat malam kelmarin hingga awal pagi semalam.

Antara yang ditahan termasuk sembilan wanita pelayan pelanggan (GRO) yang bekerja di pusat hiburan eksklusif yang mengenakan bayaran perkhidmatan antara RM400 hingga RM900 seorang.

Pengarah Imigresen Melaka, Anirwan Fauzee Mohd Aini berkata, dalam serbuan pertama pihaknya menahan sembilan wanita warga asing terbabit, tujuh warga Vietnam dan dua Thailand, berusia antara 22 tahun hingga 37 tahun kerana disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Imigresen (AI) 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Imigresen turut menyerbu satu kawasan rumah kongsi di tapak



Sebahagian pendatang tanpa izin yang ditahan di kawasan rumah kongsi di tapak pembinaan di Jasin.

(Foto ihsan Jabatan Imigresen Melaka)

pembinaan di Jasin, di sini.

Seramai 97 orang ditahan di situ kerana disyaki melakukan kesalahan Seksyen 6(1)(c) AI 1959/63 kerana gagal mengemukakan dokumen perjalanan yang sah, manakala 16 lagi ditangkap mengikut Seksyen 15(1)(c) akta sama kerana tinggal lebih masa.

Operasi tamat jam 4 pagi dan semua tahanan dibawa ke Pejabat Imigresen Melaka di Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Ayer Keroh untuk siasatan lanjut.

Di **Kuala Linggi**, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan 37 PATI warga Bangladesh yang cuba menyusup masuk ke negara ini secara haram di perairan Kua-

la Sepang, awal pagi semalam.

Mereka ditahan kira-kira jam 1 pagi oleh bot ronda Maritim Malaysia Melaka dan Negeri Sembilan selepas bot yang membawa PATI itu didapati memasuki negara ini melalui jalan yang tidak sah.

Pengarahnya, Kepten Maritim Iskandar Ishak berkata, tangkapan itu dibuat sebaik sahaja radar Sistem Pengawasan Laut (SWAS-LA) Maritim Malaysia mengesan pergerakan objek mencurigakan memasuki perairan negara sekitar jam 11 malam.

“Bot yang menggunakan dua enjin sangkut jenis Yamaha 200 kuasa kuda itu kemudian ditahan dan hasil pemeriksaan mendapati

41 lelaki termasuk tekong berada dalam bot berkenaan,” katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, semua mereka terdiri daripada tekong dan tiga awak-awak warga Indonesia serta 37 warga Bangladesh berusia antara 18 hingga 46 tahun itu gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah ketika diperiksa.

Tambah beliau, kes disiasat mengikut Akta Anti Peredaran Orang dan Penyeludupan Migran (Atipsom) 2007 dan Akta Imigresen 1959/63 kerana melakukan aktiviti penyeludupan migran dan memasuki Malaysia melalui pintu yang tidak diwartakan.